

Akhbar

darul Ridzuan

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

جاينز اكابر اسلامي

EDARAN PERCUMA • EDISI 1 2019M / 1440H



Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran
Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan 1439H

Sambutan Nuzul al-Quran
Peringkat Negeri Perak



Majlis Sambutan Kemuncak Maal
Hijrah Peringkat Negeri Perak 1440H



Pertandingan Kawad Hari
Kebangsaan Peringkat Negeri Perak



Majlis Sambutan Maulidur
Rasul Peringkat Negeri Perak



Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Sempena Hari
Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak



Majlis Kesyukuran dan
Bacaan Yasin Hari Kemerdekaan

Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama
Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan

LENSA JAIPK 2018

PENGERUSI JAWATANKUASA AGAMA DAN PENDIDIKAN ISLAM, LUAR BANDAR DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



Berakhirnya 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahun 2018 melabuhkan tirai berakhir sudah perjuangan kita untuk setahun yang lalu. Bersyukurlah kerana kita masih diberi usia dan kesihatan yang baik. Semoga dengan nikmat yang tidak terkira ini menjadikan kita seorang hamba yang taat kepada Pencipta dan seorang pekerja yang setia kepada majikan. Rasanya masih belum terlambat untuk saya mengucapkan salam tahun baru khas buat warga JAIPk semoga semuanya beroleh rahmat dan sentiasa beroleh sejahtera dalam segala lapangan dan tugas seharian. Jadilah pekerja yang mendokong wadah dan aspirasi kerajaan demi memakmurkan negeri sekaligus melonjakkan prestasi jabatan.

Sebagai penjawat awam, kita seharusnya sentiasa bersedia memikul apa sahaja amanah tanpa mencipta sebarang alasan yang hanya akan merugikan diri sendiri dan merendahkan mutu perkhidmatan. Usahlah kita membuang masa tanpa rasa bersalah sebaliknya jadilah seorang pekerja yang tekun berusaha memantapkan organisasi demi ummah dan negara. Segala jasa yang kita beri pada hari ini pasti menjadi nadi peneraju generasi seterusnya nanti.

Tibanya 2019

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahun baru kini telah bermula maka sebagai penjawat awam kita mempunyai tanggungjawab baru yang harus dipikul. Tidak kira apakah jawatan kita dalam sesuatu organisasi, setiap perkara itu harus dilunasi sebaik mungkin dan alangkah baiknya jika kita menerapkan konsep "Rahmatan Lil A'laamin" dalam tugas seharian. Rasulullah SAW adalah contoh terbaik sebagai ikutan kepada manusia. Kita hendaklah berusaha memahami dan mengamalkan "Rahmatan Lil A'laamin" terutama apabila berhadapan dengan pelbagai peringkat lapisan masyarakat dalam setiap tindakan dan urusan kerja harian.

Jadilah seorang penjawat awam yang berdedikasi dengan menyantuni permasalahan dan kerendah pelanggan dengan berhemah agar institusi kerajaan dipandang tinggi oleh masyarakat. Apabila konsep ini diterjemahkan dalam setiap tindak tanduk insya-Allah Islam itu akan dilihat sebagai agama yang penuh kasih sayang dan sifat terpuji yang lain. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



PENGARAH JAIPk

Berakhirnya 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah setahun sudah masa berlalu, kini 2018 berganjak pergi meninggalkan kita, mungkin ada tugas yang belum selesai atau masih tertunggak. Peranan penjawat awam sangat besar dalam membangunkan sesebuah organisasi dan jabatan. Di situlah terletak kekuatan apabila semua kakitangan memberikan komitmen yang terbaik dalam setiap tugas. Ibarat sebuah kapal yang tiada bernakhoda umpama tiada arah yang dituju.

Oleh itu saya mengajak semua warga JAIPk untuk sentiasa menyemai rasa tanggungjawab terhadap tugas yang telah diamanahkan. Walaupun kita sentiasa dinilai oleh pegawai atasan, namun sikap ingin memajukan diri sendiri dan rasa penuh tanggungjawab itulah sebenarnya yang harus dimiliki oleh setiap anggota bagi memastikan perjalanan kerja berjalan lancar dan setiap tugas berjaya dilaksanakan dengan sebaiknya. Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya buat warga JAIPk yang tercinta untuk melangkah ke tahun seterusnya.

Tibanya 2019

Betapa ruginya kita sebagai umat Islam tidak melakukan sesuatu pekerjaan itu dengan bersungguh-sungguh kerana kerja yang tekun itu boleh dianggap sebagai ibadah. Perbuatan yang dilakukan oleh seorang Muslim akan dianggap sebagai ibadah jika ia mematuhi garis panduan yang dikehendaki oleh syarak. Setiap hari apabila kita melangkah untuk menuju ke tempat kerja itu sudah tertulis ganjaran pahala jika kita berniat tugas atau tanggungjawab mencari rezeki adalah untuk meraih pendapatan dan keredhaan Allah SWT. Jadikan prinsip kerja sebagai ibadah sebagai satu azimat untuk kita beroleh kejayaan hakiki dan kesenangan sementara di dunia ini.

Ramai orang yang berjaya mendapat kerja namun tidak ramai yang berjaya menjadikan pekerjaan itu sebagai satu konsep ibadah. Malah mereka menyangka bahawa ibadah hanyalah amalan lain yang dilakukan secara khusus seperti solat, puasa mahupun mengerjakan haji. Sedangkan pekerjaan seharian itu sangat mulia jika ianya dilakukan kerana redha Allah SWT. Semoga warga JAIPk beroleh barakah atas hasil kerja yang berkualiti.

TIMBALAN PENGARAH JAIPk

Berakhirnya 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahirrahmanirrahim

Hidup umpama roda yang berputar, umur pula ibarat pohon yang semakin hari bertambah subur, begitulah rutin hidup kita sebagai penjawat awam, pasti akan bertambah rutin kerja dan tugas yang semakin hari semakin mencabar. Manusia yang hebat adalah manusia yang sentiasa berusaha untuk merubah takdirnya. Sebagai warga JAIPk yang berdedikasi, kita haruslah menjadi pekerja yang sentiasa mempunyai wawasan untuk maju ke hadapan.

Walaupun terkadang sesuatu itu mendatangkan kesukaran pada awalnya, namun peganglah azam untuk merasa sebuah kemanisan di akhirnya nanti. Siapa tahu mungkin segala penat lelah kita memajukan jabatan, semuanya itu sebagai penyelamat saham akhirat kita yang berkekalan. Tiada yang mustahil untuk kita lakukan jika kemahuan itu sentiasa tersemat di jiwa. Jadilah seorang hamba yang bersyukur di atas pemberian Yang Maha Esa atas segala kudrat dan tenaga yang ada untuk dicurahkan segala bakti kepada jabatan sementara kita diberi nafas di dunia ini..

Tibanya 2019

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahirrahmanirrahim

Melangkah ke tahun 2019 seharusnya menjadi satu kebanggaan kepada semua kakitangan JAIPk kerana menunjukkan semangat yang baru buat diri. Seharusnya kita sebagai penjawat awam menanamkan rasa seronok memikul tugas yang telah dipertanggungjawabkan tanpa rasa bebanan atau tekanan. Ini bermakna tahun baru memberi ruang untuk kita menyusun pelbagai strategi menyiapkan tugas dengan cara terbaik.

Tiada lagi istilah malas atau bertanggung untuk melaksanakan tugas yang diberi, sebaliknya sentiasa menunjukkan komitmen tinggi sebagai seorang pekerja yang berdedikasi. Sesungguhnya segala apa yang kita beri pada hari ini, akan menjadi ganjaran suatu hari nanti buat diri sendiri.

Janganlah kita merasa berat untuk melakukan pekerjaan kerana kita adalah manusia terpilih yang sangat bernasib baik yang telah ditentukan Allah SWT untuk memikul amanah berat ini.



MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Ipoh, 21-22 Februari 2018 : Seramai 5 orang qari dan 5 orang qariah telah memperdengarkan bacaan ayat suci al-Quran yang berlangsung di Pusat Konvensyen Amanjaya Casuarina Bandar Meru Raya. Majlis berprestij ini dimulakan dengan Majlis Menghafaz al-Quran pada sebelah siang yang melibatkan penyertaan seramai 27 orang. Manakala barisan hakim untuk hafazan menampilkan seramai 14 orang. Pada sebelah malamnya pula diadakan Majlis Tilawah al-Quran yang menyaksikan bacaan merdu dari 10 orang peserta termasuk johan menunggu qari dan qariah. Seramai 10 orang hakim telah diberi tanggungjawab untuk mengadili bacaan peserta untuk tilawah kali ini.

Sebelum itu telah berlangsungnya ujian saringan untuk memilih peserta terbaik sebelum melayakkan mereka bertanding di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Perak ini. Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan telah berakhir dengan malam penyampaian hadiah yang disampaikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Turut berkenan mencemar duli berangkat ke majlis tersebut DYMM Raja Permaisuri Perak, DYT Raja Muda Perak, DYAM Raja Dihilir Perak dan DYAM Raja Puan Muda Perak.

Sumber: Bahagian Dakwah JAIPK

NUZUL AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Ipoh, 2 Jun 2018 : Menjelangnya Ramadan pasti seluruh umat Islam akan mengingati satu tarikh penting dalam kalendar hijri iaitu peristiwa nuzul al-Quran. Maka pada tahun ini Masjid al-Hidayah Pengkalan Pegoh menjadi saksi berlangsungnya sambutan nuzul al-Quran Peringkat Negeri Perak. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berkenan mencemar duli berangkat ke majlis tersebut dan merasmikan masjid. Turut sama berangkat Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan. Pelbagai acara turut diadakan iaitu qiamullail, tahsin tajwid, ceramah, tadarus al-Quran dan penyampaian zakat kepada asnaf daerah Kinta.

Sumber: Bahagian Dakwah JAIPK



MAJLIS KESYUKURAN DAN BACAAN YASIN HARI KEMERDEKAAN



Ipoh, 24 Ogos 2018 : Saban tahun Negara kita akan menyambut hari kemerdekaan, pada tahun ini satu majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat telah diadakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke 61 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan. Majlis yang bermula jam 12.15 tengah hari ini turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan serta para jemputan yang lain. Orang ramai juga turut sama memenuhi ruang masjid dan bersama-sama mengalunkan bacaan Yasin yang diketuai oleh Imam Syed Muzaffar bin Syed Azlan. Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan turut sama berangkat ke majlis yang diadakan di Masjid Sultan Azlan Shah ini. Jemaah yang hadir sekitar 1000 orang merasa syukur dengan selesainya majlis dan jamuan makan yang disediakan selepas solat Jumaat.

Sumber: Bahagian Dakwah JAIPK

MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 1440H BERSAMAAN 2018M

Ipoh, 11 September 2018 : Ipoh Convention Centre (ICC) menjadi saksi berlangsungnya Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan yang dihadiri oleh hampir seramai 2000 tetamu dan jemputan. Dewan nan permai dan indah ini menyaksikan 2 penerima anugerah telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ar-Ridzuan dan Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1440H. Sebelum itu pada 10 September telah berlangsungnya Majlis Di Ambang Maal Hijrah di Masjid Muhammad Al-Fateh Kariah Taman Jati dan sebanyak dua anugerah telah diberikan kepada penerima Anugerah Pengurusan Masjid Terbaik dan Anugerah Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Terbaik. Majlis diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak.

Sumber: Bahagian Dakwah JAIPk



MAJLIS KESYUKURAN DAN DOA SELAMAT SEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK



Kuala Kangsar, 2 November 2018 : Raja dan rakyat berpisah tiada, begitulah rasa sayang dan cintanya rakyat negeri ini kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Satu majlis kesyukuran dan doa selamat telah diadakan sempena hari keputeraan Baginda Paduka Sultan bertempat di Masjid Ubudiah Bukit Chandan Kuala Kangsar bandar Diraja. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak telah mencemar duli berangkat ke majlis ini. YAB Menteri Besar Perak juga turut sama hadir memeriahkan majlis. Orang ramai yang terdiri dari pegawai dan anggota kakitangan awam seramai 1100 orang serta tetamu jemputan teruja dengan majlis ini.

Sumber: Bahagian Dakwah JAIPk

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 1440H

Taiping, 20 November 2018 : Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di daerah Taiping telah menerima kunjungan tetamu yang ramai sebanyak hampir 2000 orang membanjiri Dewan Besar untuk Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Perak.

Seawal jam 9.00 pagi para petugas dan orang ramai mengambil tempat sementara menunggu ketibaan YAB Menteri Besar Perak dan dif-dif jemputan yang lain.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul ini. Sebanyak 5 anugerah telah disampaikan kepada penerima iaitu Anugerah Pegawai Masjid (Imam, Muazzin, Siak), Anugerah Pendakwah dan Anugerah Keluarga Mithali.

Majlis berakhir kira-kira jam 12.30 tengah hari dan orang ramai menjamu selera di luar perkarangan dewan dengan juadah yang meriah dan enak.

Sumber: Bahagian Dakwah JAIPk



PEMERIKSAAN MENGEJUT HAMMAM TAHUN 2018



Ipoh, 18 Januari 2018 : Satu Pemeriksaan Mengejut Hammam telah dijalankan ke atas Masjid An-nur, Kampung Tersusun Batu 8, Tambun, Ipoh, Perak. Pemeriksaan tersebut diketuai oleh jemaah penilai yang terdiri daripada Pegawai Tadbir Agama Daerah Ipoh dan ahli-ahlinya iaitu Imam Daerah, Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah. Pemeriksaan ini dijalankan setelah arahan dikeluarkan kepada setiap daerah pada awal bulan Januari 2018 oleh Pengarah Jabatan Agama Islam yang dibantu selia bersama-sama Bahagian Pengurusan Masjid. Pemeriksaan ini sememangnya dilaksanakan selepas pelbagai program-program telahpun diadakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti kebersihan tandas-tandas masjid di negeri Perak seperti Seminar Hammam Peringkat Negeri Perak dan Konvensyen Hammam Peringkat Negeri Perak sempena Pangkor Dialog.

Untuk makluman, Masjid An-nur, Kampung Tersusun Batu 8 antara masjid yang tergolong dalam 38 buah masjid yang berjaya memperolehi taraf 5 bintang. Setakat ini, sebanyak 499 buah masjid sahaja bersedia untuk dinilai dan juga telah diberikan star rating berdasarkan kelayakan masing-masing. Terdapat 171 masjid yang masih belum mengambil bahagian untuk dinilai atas masalah-masalah tertentu. Namun begitu, impak positifnya dari hasil program ini ialah dapat memperbaiki sikap segelintir masyarakat yang kurang mengambil berat isu kebersihan tandas-tandas khususnya di masjid. Selain itu, perubahan ketara yang dapat kita lihat ialah apabila kebanyakan orang awam, AJK masjid dan pegawai masjid telah mula mengambil serius dalam perkara ini bagi memastikan kebersihan bilik air dan tempat wuduk masjid masing-masing berada pada tahap yang sangat memuaskan.

Pemeriksaan hammam seperti ini akan terus dijalankan sehingga ke hari ini supaya dapat membantu masjid-masjid memperoleh sekurang-kurangnya taraf empat bintang. Pemeriksaan untuk menilai tahap kebersihan hammam ini juga dikenali sebagai Star Rating Hammam. Tuntasnya, selagi minda masyarakat tidak berubah dan sikap mementingkan kebersihan tidak dipupuk secara berterusan, maka selagi itulah masyarakat di negara kita tidak akan mengambil serius akan hal ini. Oleh itu, Jabatan Agama Islam ingin menyeru kepada semua masyarakat agar dapat bersama-sama menjaga kebersihan tandas dan tempat wuduk masjid sepertimana kita menjaga bilik air di rumah sendiri

Sumber: Bahagian Pengurusan Masjid

LARIAN BERSEMANGAT SEAWAL DHUHA

Kerian, 20 Januari 2018 : Kampung Gunung Semanggol telah dikejutkan dengan suara semangat dan larian bertenaga oleh para pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Kerian (SEMARAK) yang menyelesaikan larian merentas desa di kawasan kampung tersebut. Seramai 98 pelajar telah menyertai aktiviti merentas desa tahunan peringkat sekolah. Para pelajar berkumpul pada jam 7 pagi untuk melakukan senaman panas badan. Selepas itu, para pelajar diminta berkumpul di surau hadapan bersiap sedia untuk dilepaskan oleh Pengetua Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Kerian, Ustaz Mohd Shuah bin Halim.

Jarak yang diperuntukkan kepada para pelajar ialah sebanyak 6.1 kilometer. Para pelajar dilepaskan pada jam 8.30 pagi secara serentak maka bermulalah acara merentas desa. Para pelajar dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori pertama tingkatan 1 dan 2, kategori kedua tingkatan 3 dan kategori ketiga tingkatan 4 dan 5. Setiap kategori mempunyai 10 terbaik yang dapat memberi sumbangan markah kepada rumah sukan masing-masing. Sebanyak tujuh checkpoint yang telah disediakan untuk para pelajar sebelum menamatkan larian mereka. Dua orang guru dipertanggungjawabkan bagi setiap checkpoint untuk memberi satu gelang getah kepada murid yang telah melepasi checkpoint tersebut.

Lebih meriah lagi, kehadiran pelari-pelari muda ini disambut baik oleh pihak orang kampung. Mereka turut memberi semangat dan sokongan kepada pelajar yang melalui di hadapan rumah mereka. Ini membuktikan warga sekolah SEMARAK disambut baik dan disenangi oleh masyarakat sekeliling. Semua pelajar telah berjaya menamatkan larian mereka pada jam 9.45 pagi. Larian merentas desa ini adalah bertujuan untuk memberi masa riadah dan sukan kepada para pelajar di samping sibuk mengejar akademik pelajaran. Acara sebegini sedikit sebanyak dapat 'mengubati' pelajar dengan melakukan sedikit senaman atau aktiviti luar (outdoor) agar sentiasa cergas dan minda positif. Bukan itu sahaja, merentas desa membantu para pelajar mencungkil bakat atau mengasah bakat mereka dengan lebih tajam dalam bidang kesukanan untuk mewakili sekolah pada peringkat daerah mahupun negeri.

Sumber: SMTDR Kerian



BELAIAN KASIH, PEMBAKAR SEMANGATKU

Kerian, 22 Januari 2018 : 'Belaian Kasih, Pembakar Semangatku', dalam erti kata lain (Program Mentor Mentee) adalah merupakan satu program yang pihak sekolah adakan bertujuan untuk para pendidik mengenali dengan lebih mendalam mengenai erti kasih sayang, sikap ambil berat dan prihatin ke atas anak-anak yang digelar pelajar. Guru dianggap seperti seorang ibu dan ayah yang sinonim dengan jasa dan pengorbanan yang tidak terhingga. Oleh itu, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Kerian (SEMARAK) telah menyelitkan program mahabbah ini dalam takwim sekolah 2018. Dengan izin Allah yang Maha Esa, program ini dapat berlangsung pada pagi yang indah kira-kira jam 8.00 pagi iaitu semua pelajar dan guru berkumpul di Dataran SEMARAK bagi memeriahkan program tersebut. Selain itu, program ini dianjurkan di bawah Unit Bimbingan Kaunseling yang diselia oleh Puan Noor Hidayah binti Salleh. Program ini telah dirasmikan oleh ayahanda yang disayangi di bumi SEMARAK iaitu Yang Berusaha Tuan Pengetua Ustaz Mohd Shuah bin Halim.

Bagi menghangatkan lagi program ini, program dimulakan dengan suapan kasih sayang iaitu daripada Puan Myzatul Rosma kepada Ketua Umum SEMARAK, Nurul Hana' binti Nawawi, tingkatan lima. Sebagai aktiviti yang dilakukan pada pembukaan Program Mentor Mentee para pelajar telah dibahagikan kepada kumpulan mentor masing-masing yang diketuai oleh seorang guru. Selain itu, guru-guru tersebut hendaklah menyapu pulut kuning pada setiap menteenya. Hari perasmian program ini diteruskan dengan sesi ta'aruf antara mentor dan menteenya. Program ini berjalan dengan lancar sepanjang tahun dan juga diselitkan dengan ceramah-ceramah pembakar semangat kepada para pelajar.

Program ini diadakan bagi menaikkan lagi semangat pelajar-pelajar dalam pembelajaran mahupun kehidupan seharian kerana dengan rasa adanya seorang pendidik yang dianggap sebagai ibubapa di sekolah yang boleh membantu mereka dalam pelbagai aspek. Selain itu, dengan program ini juga guru-guru dapat mengetahui bagaimana prestasi setiap pelajar di bawah bimbingannya agar mudah guru tersebut membincangkan strategi yang berkesan bagi membina modal insan yang sempurna sebagai contoh dalam bidang tahfiz al-Quran, akademik, kokurikulum, sahsiah dan sebagainya. Justeru, program ini adalah merupakan satu sinar baharu kepada seorang pelajar untuk terus berjaya.

Sumber: SMTDR Kerian

PRACTICE MAKE PERFECT

Lenggong, 1-7 Februari 2018 : Telah berlangsungnya minggu bahasa Inggeris. Banyak aktiviti telah berjaya dijalankan dengan penyertaan yang sangat memberangsangkan daripada pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULE). Para pelajar menunjukkan kesungguhan yang luar biasa dalam setiap aktiviti yang telah dijalankan. Tahniah kepada guru panitia Bahasa Inggeris yang telah berjaya menarik minat para pelajar untuk meminati Bahasa Inggeris walaupun bahasa Inggeris bukan bahasa utama dalam negara Malaysia. Adalah sangat baik sekiranya para pelajar menguasai Bahasa Inggeris kerana dengan penguasaan bahasa tersebut para pelajar tidak berdepan masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut kelak.

Tambahan pula, Bahasa Inggeris adalah salah satu daripada ilmu bahasa yang Allah SWT kurniakan. Pasti ada hikmah di sebalik kewujudan bahasa ini. Ianya tidak terhad pada pembelajaran dan peperiksaan semata-mata, malah penguasaan Bahasa Inggeris dapat dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan dakwah Islam kepada bangsa yang bertutur dalam Bahasa Inggeris yang bukan beragama Islam. Buktinya terdapat banyak pendakwah-pendakwah antarabangsa yang bertutur dalam Bahasa Inggeris demi menyampaikan dakwah Islam yang ditinggalkan junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Antara pendakwah terkenal yang terdapat di dunia yang menggunakan medium Bahasa Inggeris selain Bahasa Arab sebagai medium untuk menyampaikan dakwah seperti Dr. Zakir Naik, Mufti Menk, Yasmin Mogahed, Nouman Ali Khan dan Yusuf Estes. Banyak lagi pendakwah-pendakwah yang hebat menggunakan Bahasa Inggeris demi menyebarkan dakwah Islamiah ke seluruh dunia. Wajar para pelajar mengambil semangat dan keberanian untuk bertutur dan belajar Bahasa Inggeris dengan baik agar menjadi seorang pendakwah yang mampu menyebarkan dakwah Islam di samping menyampaikan ilmu pengetahuan dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan. Insya-Allah sekiranya niat ikhlas demi agama Islam, Allah akan memudahkan segala urusan.

Sumber: SMTDR Lenggong



KEPIMPINAN MENERAJUI UMMAH

Bidor, 4-6 Februari 2018 : Saban tahun pihak SM Raja Dr Nazrin Shah (SARJANA) mengadakan kem kepimpinan bagi melatih dan mengukuhkan jati diri dalam kalangan pemimpin sarjana. Kem yang diadakan di Kem PLKN Bidor ini melibatkan guru-guru kepimpinan SARJANA dan juga barisan kepimpinan seramai 60 orang lebih. Kem yang diadakan selama 3 hari dua malam ini padat dengan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan bagi mengasah bakat kepimpinan yang terpendam dalam diri pelajar. Kem ini penting bagi melahirkan pemimpin yang berpotensi untuk memimpin ummah ke arah sifat mahmudah. Kem yang berakhir pada hari ketiga telah dirasmikan oleh Cikgu Fadzilah binti Saleh.

"Kem ini banyak membantu saya dalam mengetahui teknik-teknik kepimpinan kerana seorang pemimpin haruslah mengetahui cara memimpin yang betul agar dapat menjadi seorang peneraju ummah yang berkualiti, Insya-Allah" ujar salah seorang peserta kem kepimpinan ini. Diharapkan agar kem ini mampu melahirkan lebih ramai lagi peneraju ummah pada masa akan datang.

Sumber: SM Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA)

FUH, BARU TAHU PENAT HIKING

Ipoh, 24 Februari 2018 : Pentadbiran Masjid Muhibbuddin Shah menganjurkan *hiking* ke bukit kledang Ipoh dengan kerjasama pelajar UniKL RCMP. Cabaran itu nyata disahut seramai 23 pelajar (terdiri daripada pelajar UniKL cawangan ipoh), 2 orang pensyarah, 3 lagi dari pegawai Masjid Muhibbuddin shah telah menjalankan ekspedisi ke Bukit Kledang ini.

Ia bermula dengan taklimat pendakian dan aktiviti pemanasan badan pada 7.00 pagi dan pendakian bermula 7.30 pagi. Ketua pendakian oleh Encik Jeff Sumardee bin Ismail serta team dari Geng Bukit Kledang (GBK) merupakan pendaki-pendaki tegar. Encik Jeff telah menasihatkan sebelum pendakian diwajibkan makan makanan berat sekiranya belum makan tidak boleh membuat pendakian kerana akan memudaratkan diri, perlu juga membawa kurma dan air mineral yang cukup.

Trek yang dilalui ialah sejauh 4.9 km merupakan trek C untuk *beginner*. Untuk ke destinasi memerlukan masa selama 3 jam. Sepanjang perjalanan dapat menikmati keindahan ciptaan Allah SWT dengan melalui alam semulajadi.

Walaupun ada yang mempunyai masalah fizikal ada yang hampir mengalah, namun itu tidak menjadi penghalang kerana semua pendaki mendapat suntikan semangat daripada rakan-rakan yang lain. Setiap pendakian akan berhenti di 3 *Checkpoint* untuk minum dan berehat sebentar. Akhirnya, berjaya sampai di puncak Bukit Kledang pada pukul 12.00 tengah hari.

Di kawasan puncak itu, lebih kurang 15-20 minit peserta menikmati pemandangan yang indah dan udara yang segar. Alhamdulillah berkat kesabaran para peserta sampai ke CP penamat dan para peserta menikmati makan tengah hari yang telah disediakan oleh penganjur.

Sumber: Masjid Muhibbuddin



SEMARAK MELAKAR KEJAYAAN BAHARU

Kerian, 9 Mac 2018 : Sudah menjadi program tahunan bagi sekolah-sekolah di bawah kerajaan negeri, Ihtifal Ilmi bukan lagi suatu yang asing bagi kalangan pelajar-pelajar SMAN, terutamanya di kalangan pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Kerian, SEMARAK yang juga tidak mahu ketinggalan dalam menghantar 'anak-anak emas' mereka untuk mewakili pertandingan-pertandingan ilmiah ini. Ihtifal Ilmi merupakan satu program anjuran daripada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) yang bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat yang pelbagai dalam kalangan pelajar tahfiz di samping menyuntik semangat bersaing dalam kalangan pelajar.

Sejurus itu, Ihtifal Ilmi bagi sesi 2018 telah diadakan di Sek. Men. Raja Dr. Nazrin Shah, Kampung Gajah, selama dua hari satu malam. Walaupun jauh nun disana, namun 28 orang pelajar yang membawa nama SEMARAK tetap melapur diri dalam semua pertandingan peringkat negeri perak dengan langkah yang gah. Antara pertandingan-pertandingan yang disertai ialah bahas ala parlimen, kuiz dinni, khitabul maqal, tilawah, hafazan, nasyid dan syarahan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Setelah sebulan bersenggang mata dan memberi komitmen yang tinggi, usaha anak-anak pelajar telah membuahkan hasil dengan kejayaan yang tidak disangkakan oleh mereka. SEMARAK telah mendapat pencapaian yang terbaik dalam setiap acara yang dipertandingkan. Walaupun seorang wakil mengalami masalah kesihatan, namun semangat berkobar-kobarnya tidak terhenti di sini sahaja. Beliau telah membuktikan semangat dan usahanya dengan mendapat tempat ketiga dalam pertandingan tilawah al-Quran.

Lebih membanggakan lagi, Nurul Afiqah binti Abd Rahim, 15 tahun dan Busyra binti Ishak, 17 tahun telah berjaya mewakili negeri Perak ke Peringkat Kebangsaan (MIISMAM) dalam pertandingan syarahan Bahasa Inggeris dan hafazan surah pilihan yang bertempat di Nilai, Negeri Sembilan. Warga SEMARAK telah mengirinkan doa dan mengharapkan mereka berdua dapat mempersembahkan dengan terbaik dan moga pulang dengan kejayaan yang diimpikan.

Harapan SEMARAK agar pihak JAIPK dapat melaksanakan program-program ilmiah sebegini pada masa akan datang agar para pelajar dapat mengimbangi aktiviti kokurikulum dan akademik mereka di samping melatih para pelajar dengan cabaran yang baharu yang perlu ditempuhi oleh mereka dalam melangkah ke dunia yang lebih mencabar. Bak kata pepatah, "Pastikan semangat, usaha dan doa kita hari ini luar biasa, agar kita dapat menutup hari ini dengan hasil yang luar biasa".

Sumber: SMTDR Kerian



PPA JAIPK BERTINDAK SELARAS DENGAN GARIS PANDUAN



Sungai, 27-29 Mac 2018 : Bengkel penambahbaikan garis panduan dan peraturan-peraturan penguatkuasa telah berjaya dilaksanakan selama tiga hari bermula 27-29 Mac bertempat di Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungai.

Ketua unit Pentadbiran dan Rekod Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah JAIPK (BPUS), Ustaz Hafizi Kariah berkata bengkel kali ini bertujuan menambak baik garis panduan dan peraturan-peraturan Penguatkuasa Agama yang telah diguna pakai sejak sekian lama.

"Garis panduan seperti penggunaan bilik menunggu, penggunaan gari dan lain-lain perlu diteliti untuk rujukan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) supaya dapat bertindak mengikut lunas undang-undang".

Keterlibatan semua pegawai dan ketua Unit Penguatkuasaan Daerah dalam bengkel kali ini sangat membantu dalam pembinaan garis panduan dan peraturan untuk menjadi tindakan di seluruh daerah.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Yusop bin Hj Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah JAIPK (BPUS)

KEM KEPEMIMPINAN PENGAWAS

Kuala Kangsar, 31 Mac 2018 : Bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu, para pengawas Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULE) telah mengikuti Kem Kepemimpinan Pengawas 2018. Kem tersebut bertujuan untuk melatih para pengawas untuk menjadi pemimpin yang berkaliber sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat selepas persekolahan. Kem tersebut bukan hanya disertai oleh para pengawas STARULE, tetapi turut disertai oleh para pengawas SMK Bukit Merchu sebagai kolaborasi dalam memantapkan para pengawas kedua-dua sekolah.

Kem tersebut diadakan untuk melatih pengawas bagaimana untuk menjadi khalifah yang terbimbing dengan berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah seperti mana yang ditunjukkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Adalah sangat penting untuk diri pengawas itu menjadikan contoh Nabi SAW sebagai role model dalam kepemimpinan di peringkat sekolah mahupun di peringkat yang lebih tinggi. Banyak aktiviti yang telah direncanakan oleh pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu untuk para pengawas.

Sumber: SMTDR Lenggong



WE ARE BACK HOME



Kg Gajah, 14 April 2018 : Telah diadakan majlis perjumpaan semula antara bekas-bekas pelajar SM Raja Dr Nazrin Shah (SARJANA) dari batch 01 sehingga batch 15 bertempat di Dewan Tan Sri Ramli SARJANA. Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan tali persaudaraan antara mereka agar kekal lebih lama. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak yang tertentu seperti nasyid yang disampaikan oleh bekas penyanyi Soutul Imtiyaz. Majlis ini telah mendapat sambutan yang hangat oleh pihak SARJANA.

Anggaran bekas pelajar yang hadir kira-kira 150 orang. Ramai alumni yang hadir bagi memeriahkan majlis yang diadakan pada hari tersebut. Para guru juga turut hadir mengikuti majlis itu. Majlis ini meninggalkan kesan yang bermakna bagi alumni-alumni yang hadir kerana mereka dapat merapatkan lagi ukhwah antara mereka agar berkekalan sehingga ke syurga.

“Saya berasa amat gembira kerana majlis ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan oleh pihak SARJANA dan alumni-alumni SARJANA. Di sini, saya dapat melihat semula kerendah rakan-rakan yang sudah lama tidak saya lihat. Saya berharap agar majlis ini diadakan lagi pada masa akan datang” ujar salah seorang bekas SARJANA yang turut hadir ketika itu.

Pihak SARJANA amat berharap agar majlis ini dapat dijalankan lagi oleh alumni-alumni SARJANA supaya mereka tahu akan tempat bermulanya mereka membina ikatan tali persaudaraan dan tempat yang telah banyak menabur jasa kepada mereka.

Sumber: SM Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA)

“KEBERSAMAAN IBU BAPA TONGGAK KECEMERLANGAN PELAJAR”

Manjung, 21 April 2018 : Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Manjung telah mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Mesyuarat Agung PIBG yang bertempat di D’Batik Motel, Teluk Batik. Majlis ini diadakan bagi menghargai para pelajar yang telah bertungkus lumus di dalam pelajaran mereka .

Penghargaan yang diberikan khas kepada pelajar yang cemerlang di dalam peperiksaan dalaman, Pentaksiran Tingkatan 3, Sijil Pelajaran Malaysia mahupun peperiksaan l’dadi dan Thanawi di bawah Jabatan Agama Islam Perak. Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah Pendidikan JAIPK, Ustaz Mohd Nasar bin Kurdi. Semoga dengan penghargaan ini, dapat menaikkan semangat para pelajar yang lain untuk mencapai prestasi yang lebih baik di dalam pelajaran mereka.

Di samping itu, pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Agung PIBG yang bertujuan untuk mendengar idea dan pandangan daripada ibu bapa. Selain itu, bagi membentangkan laporan perjalanan program yang melibatkan PIBG dan pihak sekolah. Semoga para ibu bapa terus menyokong dan mendokong aktiviti serta program yang diadakan bagi memberi manfaat dan faedah kepada para pelajar.

Sumber: SMTDR Manjung



“ENSEMBLE BAYU” TERBAIK



Pulau Pinang, 27 April 2018 : Pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah (SERATA), Ipoh berjaya membuktikan bahawa sekolah aliran agama bukan sahaja mampu menguasai dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah, tetapi juga mempunyai bakat dalam inspirasi seni berkonsepkan alami. Seramai 40 orang pelajar daripada kumpulan Ensemble Bayu yang bermain angklung, gambang, kompang dan *percussion* telah dihantar untuk menyertai Festival Kesenian Muzik Sekolah-Sekolah Malaysia (Malaysia School Music Festival) Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 yang telah dianjurkan oleh Pertubuhan Pro Art Filharmonik Pulau Pinang dengan kerjasama Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia di Pulau Pinang. Berkat keazaman, latihan dan sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah, akhirnya mereka berjaya meraih anugerah Emas bagi kategori angklung.

Pelbagai sekolah berprestij telah menyertai pertandingan ini. Kumpulan Ensemble Bayu ini telah memainkan dua buah lagu iaitu *Intifada* dan *Falling in Love*. Kejayaan mereka ini telah meletakkan suatu nama Sekolah Raja Perempuan Taayah yang sering menerima undangan ke majlis-majlis rasmi kerajaan dan korporat. Kumpulan yang mula ditubuhkan pada September 2012 ini telah diilhamkan oleh Puan Hajah Noor Aini binti Zainal Abidin, Pengetua SERATA pada masa itu. Doakan Bayu agar dapat meneruskan visi untuk menempa nama Sekolah Menengah Agama Negeri Perak di persada dunia.

Sumber: Sek Raja Perempuan Taayah

BAHASA JIWA BANGSA

Manjung, 30 April 2018 : Telah berlangsungnya Majlis Perasmian Minggu Bahasa 2018 yang bertempat di Dewan Terbuka Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Manjung (SMTDRDM). Majlis yang bertemakan Padang Pasir itu telah diacarakan di dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Bahasa Arab. Majlis dirasmikan oleh Pengetua SMTDRDM Tuan Haji Abdul Karim bin Wahi.

Di antara tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memperkasakan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar. Selain itu, bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan kepentingan mempraktikkan pelbagai bahasa dalam kehidupan seharian. Terdapat pelbagai program yang telah disusun sepanjang Minggu Bahasa dijalankan, iaitu sesi jualan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, *Language Game* dan juga Penulisan Kreatif. Semoga Minggu Bahasa ini dapat memberi banyak manfaat kepada pelajar seiring bagi melahirkan pelajar yang kreatif dan proaktif.

Sumber: SMTDR Manjung



KEM KECEMERLANGAN RAMADAN



Chepor, 1-4 Jun 2018 : Bertempat di Lereng Adventure Camp And Resort, Ulu Chepor, Chemor telah diadakan Kem Kecemerlangan Ramadan.

Kem Kecemerlangan Ramadan ini diadakan untuk meningkatkan kemahiran dan mutu mata pelajaran murid-murid Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong. Dalam kem yang berlangsung selama empat hari itu, guru-guru telah memberikan penekanan kepada murid mengenai teknik dan kemahiran menjawab soalan terutamanya murid-murid yang bakal menduduki peperiksaan awam 2018 penilaian Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu, murid-murid yang tidak terlibat dengan peperiksaan awam, guru-guru mata pelajaran telah menyusun pengisian yang berkaitan dengan subjek masing-masing. Bukan itu sahaja, guru-guru al-Quran juga membuat penilaian al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya, seramai 69 orang murid dan 32 kakitangan guru dan kakitangan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong melibatkan diri bagi menjayakan Kem Kecemerlangan Ramadan bagi tahun 2018.

Sumber: SMTDR Lenggong

INTERAKSI DENGAN AL-QURAN

Bagan Datuk, 7 Jun 2018 : Alhamdulillah telah selesainya Majlis Malaysia Quran Hour yang dianjurkan oleh Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Bagan Datuk. Majlis ini telah diadakan di Masjid Kg Sungai Keli, Hutan Melintang. Seramai 80 orang peserta hadir dalam menjayakan program kali ni yang terdiri daripada Maahad Tahfiz Ad-Din Kampung Sungai Keli, Maahad Tahfiz An-Nur Lil Banat serta ahli kariah Masjid Kampung Sungai Keli.

Program ini bermula pada jam 9.00 pagi dengan pembahagian peserta mengikut kumpulan. Setiap kumpulan pula ditugaskan menghabiskan bacaan sebanyak satu juzuk. Setelah selesai bacaan setiap kumpulan, program ini diteruskan dengan tazkirah ringkas yang disampaikan oleh Tuan Haji Muhamad Khairul Basri bin Osman selaku Pegawai Tadbir Agama Daerah Bagan Datuk.

Memetik tazkirah ringkas beliau, beliau berkongsi kepada ahli yang hadir agar bersama-sama membaca dan mentadabbur al-Quran agar setiap pembaca dapat memahami serta mempraktikkan apa yang terkandung di dalam al-Quran yang merupakan tuntutan daripada Allah Taala. Setelah selesai tazkirah ringkas, majlis diteruskan dengan penyampaian al-Quran kepada para peserta yang hadir. Majlis berakhir jam 11.30 pagi.

Semoga amalan membaca dan mentadabbur al-Quran dapat diwujudkan di dalam kehidupan seharian kita bahkan menjadi amalan yang tidak lekang di bibir kita. Terima kasih diucapkan kepada semua peserta yang terlibat. Semoga apa yang diusahakan ini mendapat keberkatan dan kebaikan daripada Allah SWT.

Sumber : PAID Bagan Datuk



Majlis Peringkat Negeri

MAJLIS NIKAH JAMA'IE SYAR'IE

MASJID SULTAN AZLAN SHAH, IPOH

16 SEPTEMBER 2018



Pasangan Pengantin Bergambar Kenangan

30 PASANGAN DIRAIKAN DI PERAK

Ipoh, 16 September 2018 : Seramai 30 pasangan pengantin selamat diijabkabulkan secara beramai-ramai dalam Program Majlis Nikah Jama'ie Syar'ie Peringkat Negeri Perak di Masjid Sultan Azlan Shah di Jalan Raja Musa Mahadi di sini, hari ini.

Program anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK) itu bertujuan mengimarahkan masjid sebagai lokasi pernikahan selain membantu pasangan yang kurang berkemampuan untuk mendirikan rumah tangga.

Pengarah JAIPK, Datuk Mohd Yusop Husin berkata pasangan hanya dikenakan bayaran sebanyak RM2,000 sebagai kos majlis keraian, pakaian, penginapan di hotel serta dokumen pernikahan.



Kesemua Pasangan Pengantin Bergambar Kenangan Di Hotel Selesai Majlis.



YAB Menteri Besar Perak Berucap Merasmikan Majlis Nikah Jama'ie Syar'ie Sebelum Majlis Akad Nikah Bermula



Imam Utama Masjid Sultan Azlan Shah Membaca Doa Di Majlis Nikah Jama'ie

"Dengan adanya program seperti ini dapat menjimatkan masa, tenaga serta wang bagi pasangan pengantin yang baru mendirikan rumah tangga," katanya kepada pemberita pada majlis berkenaan yang turut dihadiri Menteri Besar Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu.

Mohd Yusop berkata sehingga kini, hampir 200 pasangan telah berjaya disatukan sebagai suami isteri sejak program itu dianjurkan pada 2013.



Perarakan Pengantin Menarik Perhatian Orang Ramai



Keriang Jelas Terpancar Seusai Majlis Akad Nikah

Dalam pada itu, Aisyah Loo Mee Hong, 26, seorang muallaf menyifatkan pernikahan secara beramai-ramai satu pengalaman yang menyeronokkan.

"Malah, ia memudahkan urusan pernikahan dan dapat meringankan perbelanjaan bagi pasangan yang kurang berkemampuan," katanya yang bernikah dengan Mohd Khair Isa, 31.

Bagi pasangan adik beradik, Nur Shafika Adira Mohd Ramli, 24, serta adiknya Muhamad Airis Danial, 21, turut menyertai majlis berkenaan untuk melangsungkan pernikahan secara serentak.



Pasukan Kompang Turut Menyerikan Majlis Dengan Persembahan Kompang



Ketua Pendaftar Nikah Cerai Dan Ruju' Negeri Perak, Tuan Hj Zakaria Menjadi Jurunikah Pasangan Pengantin Di Majlis Nikah Jama'ie Syar'ie Negeri Perak

Nur Shafika Adira berkata mereka berdua beradik memutuskan untuk menyertai majlis tersebut selepas mengadakan perbincangan dengan keluarga pasangan masing-masing sejak setahun lalu.

"Kos persiapan tak sampai RM3,000, pasangan hanya perlu membayar RM2,000 kepada pihak penganjur selain menyediakan mas kahwin dan cincin sahaja," katanya yang bernikah dengan Mohamed Amirul Akram Mohamed, 24.

Muhamad Airis Danial dan pasangannya Nor Ain Alia Najiha Fauzi, 20, turut bersyukur apabila pernikahan mereka berlangsung dengan meriah walaupun tanpa perbelanjaan yang besar.

Majlis gilang gemilang tersebut turut dihadiri Pegawai Kewangan Negeri yang bersama dalam upacara makan beradab. Orang ramai yang terdiri daripada keluarga pengantin turut bersama di dalam majlis ini.



Acara Memotong Kek



Pasangan Pengantin Menanti Persembahan Silat Sebelum Mengambil Tempat Duduk Untuk Upacara Makan Beradap

ORGANISASI TERATUR TERAS KEJAYAAN



Bagan Datuk, 4 Julai 2018 : Alhamdulillah selesai sudah dengan jayanya Program Pengukuhan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Sambutan Aidilfitri 1439H yang telah dianjurkan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk. Program ini bermula dengan sesi seminar ahli jawatankuasa masjid di daerah Bagan Datuk yang telah disampaikan oleh al-Fadil Tuan Haji Saiful Azizi selaku Ketua Penolong Pengarah Bahagian Masjid.

Turut berlangsung juga seminar pengukuhan biro muslimat di daerah Bagan Datuk. Di dalam seminar yang berlangsung, biro serta ahli jawatankuasa telah didedahkan dengan pelbagai teknik dalam usaha memantapkan sesebuah organisasi antaranya mengadakan program-program yang lebih kepada gerak kerja di dalam kumpulan dan sebagainya. Sementara itu, guru-guru KAFA pula diberi taklimat ringkas berkenaan gerak kerja berkumpulan dalam melahirkan sebuah organisasi yang mampan secara langsung dapat melahirkan murid yang berkaliber serta berkebolehan di dalam bidang asas Fardu Ain.

Program ini telah dirasmikan oleh Orang Besar Jajahan Daerah Bagan Datuk Toh Seri Paduka Lela Dr Khalid bin Ismail. Beliau menegaskan agar semua ahli jawatankuasa memainkan peranan masing-masing agar institusi masjid dapat dijalankan dengan baik serta membantu ahli kariah setempat. Turut hadir bersama bagi memeriahkan majlis ketua-ketua jabatan, jabatan-jabatan kerajaan serta ahli-ahli kariah Masjid al-Khairiah Selekoh. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang turut membantu dan memeriahkan majlis tersebut. Semoga program sebegini dapat dilaksanakan pada masa akan datang dan secara tidak langsung merapatkan ukhwhah sesama kita.

Sumber: PAID Bagan Datuk

KEM MOTIVASI DAN KHIDMAT MASYARAKAT

Taiping, 6-8 Julai 2018: Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULe) telah mengikuti kem motivasi dan khidmat masyarakat bertempat di Kem PERASA Autocamp Kampung Jelutong, Changkat Jering, Taiping.

Kem tersebut diadakan bertujuan untuk memberi pengalaman baru kepada pelajar STARULe merasai sendiri suasana kem dalam hutan. Malah, aktiviti yang dirancang dan disusun oleh pihak sekolah serta pihak kem tersebut sangat menarik antaranya ialah night walk, merentas halangan, slot ceramah motivasi yang disampaikan khas oleh al-Fadil Ustaz Huri bin Alias. Selain itu, pelajar juga diajar untuk menepati waktu sama ada sebelum program mahupun semasa program berlangsung selain dilatih untuk bekerja dalam kumpulan supaya sama-sama dapat bersatu dalam apa jua situasi dan keadaan.

Pada hari Ahad pula, para pelajar bergerak ke sekitar kampung-kampung di Jelutong untuk memberi khidmat tenaga kepada penduduk kampung. Antara aktiviti yang dilakukan pelajar ialah membersihkan kawasan halaman setiap penduduk kampung yang ada di situ, bersua kenal dengan penduduk kampung, membersihkan kawasan kebun dan juga membersihkan bahagian dalam rumah.

Di samping itu, para pelajar bersama guru-guru pengiring juga menyerahkan sumbangan barangan keperluan kepada golongan yang memerlukan. Selesai khidmat masyarakat tersebut, guru-guru pengiring dan para pelajar berangkat pulang ke sekolah dan tiba sekitar pukul 5:00 petang.

Sumber: SMTDR Lenggong



DAKWAH CARA KAMI : SOUTUL FAIZIN



Perlis, 6-9 Julai 2018 : Kumpulan nasyid Soutul Faizin merupakan antara kumpulan nasyid yang seringkali mencipta nama dalam pertandingan-pertandingan yang disertai mereka, baik di peringkat zon, daerah, negeri malahan di peringkat kebangsaan juga. Kumpulan ini telah ditubuhkan pada tahun 1996 dan mempunyai seramai 10 orang ahli dan dua orang guru yang menjadi penasihat dan sekaligus berperanan sebagai pengurus untuk semua aktiviti yang dijalankan oleh kumpulan ini. Namun begitu, penyertaan mereka dalam FNSS pada tahun 2018 merupakan julung kalinya dan telah dapat melakar kejayaan baharu dan mengharumkan nama negeri Perak Darul Ridzuan di persada nasyid negara. Peluang yang disediakan oleh pihak KPM kepada semua pelajar ini, digunakan dengan sebaiknya dan mereka telah membuktikan kemampuan mereka dengan menjadi NAIB JOHAN dalam Festival Nasyid Kebangsaan Sekolah-Sekolah KPM bagi tahun 2018. Lebih manis apabila nyanyian mereka menerusi lagu Sirna Taqwa telah memenangi kategori Lirik Lagu Kontemporari Terbaik.

Kejayaan mereka yang merupakan penutup bagi tahun 2018 ialah JOHAN dalam Pertandingan Nasyid Gema Kontemporari Peringkat Negeri Perak. Kumpulan ini juga telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan apabila memenangi kategori Solo Terbaik, Lagu Terbaik dan Persembahan Terbaik menerusi nyanyian lagu mereka iaitu Warkah Ukhwhah.

Selain itu, mereka turut tercalon dalam pertandingan *Young Kids Challenge* anjuran Yayasan Tuanku Bainun dan berjaya meletakkan diri dalam kalangan 50 pasukan terbaik seluruh Malaysia.

Penerimaan masyarakat terhadap medium dakwah yang digunakan oleh Soutul Faizin terus mendapat impak yang sangat memberangsangkan apabila nyanyian lagu *Anta Permana* yang dipopularkan oleh Datuk Seri Siti Nurhaliza dan dinyanyikan semula oleh mereka dalam versi nasyid telah mencetuskan satu fenomena baharu dalam kalangan masyarakat khususnya para remaja Islam. Sesuatu yang tidak disangka apabila jumlah tontonan video tersebut di saluran YOUTUBE telah mencecah lebih 400 000 tontonan. Mereka juga telah dijemput oleh produksi Astro Ria untuk muncul dalam rancangan *Motif Viral* yang telah disiarkan pada 29-11-2018 yang lalu.

Sumber: Sekolah Izzuddin Shah

KITA SEMUA SAHABAT

Beruas, 14-15 Julai 2018 : Estate Arunamari Plantations Sdn. Bhd. Beruas telah menerima kunjungan dari Unit Dakwah Orang Asli dan Saudara Kita Bahagian Dakwah JAIPK untuk mengadakan Program Harmoni Bersama Komuniti di kawasan penempatan estet tersebut. Pelbagai aktiviti telah diatur antaranya pihak urus setia telah melakukan ziarah rumah ke rumah untuk beramah mesra bersama penduduk di Estate Arunamari, Kampung Kasi dan Batu 32 serta menyampaikan sedikit sumbangan kepada mereka.

Program berjalan meriah dengan adanya sukaneka bersama penduduk seperti pertandingan mengikat bunga melur oleh golongan ibu, mencari gula-gula dalam tepung untuk kanak-kanak, tarik tali untuk dewasa lelaki dan lari dalam guni untuk remaja.

Penduduk di sini merasa gembira dengan kehadiran JAIPK mengadakan program kerana tiada agensi kerajaan yang hadir untuk bersama mereka sebelum ini. Mereka juga memberikan kerjasama yang baik dan berharap semoga program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang. Sebelum program berakhir, Ustazah Adibah binti Haji Muhammad Rivai Penolong Pengarah Kanan Dakwah telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Sumber: Bahagian Dakwah, JAIPK



KESSUMA 2018

Tanjong Malim, 15 Julai 2018 : Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK) merupakan tuan rumah pada penganjuran Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan kali ke-19 dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) beserta Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri seluruh Malaysia.

YBhg. Puan Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Pengarah Bahagian Kemajuan Islam, mewakili Ketua Pengarah JAKIM telah merasmikan majlis perasmian pembukaan pada 15 Julai 2018 di Stadium UPSI. Seramai 1800 atlet yang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri dan Rakyat serta Sekolah Agama Bantuan Kerajaan mewakili 10 negeri telah mengambil bahagian untuk 11 acara yang dipertandingkan bermula 16-19 Julai. Antara acara yang dipertandingkan ialah sepak takraw, ping pong kategori lelaki dan perempuan, badminton lelaki dan perempuan, bola tampar kategori lelaki dan perempuan, bola jaring dan bola sepak manakala acara memanah lelaki dan perempuan telah berlangsung awal pada tarikh 20-23 April di Lapangan Memanah Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Kejohanan ini turut mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai program kurikulum di peringkat kebangsaan yang membolehkan pelajar SMAN dan SMAR mendapatkan 10 markah merit untuk kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam negara.

Perasmian Penutupan pula disempurnakan penuh gilang gemilang pada 18 Julai di Dewan Tuanku Canselor UPSI oleh wakil Menteri Besar iaitu Timbalan Speaker Dewan Negeri Perak, YB Aminuddin Zulkifli yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Behrang.

Pada kejohanan kali ke-19 ini, Negeri Terengganu telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan KESSUMA 2018 dan membawa pulang Piala Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

Sumber: Bahagian Pendidikan, JAIPK



PERSEMBAHAN KHAS : SILAT MEMUKAU PENONTON

Tanjong Malim, 18 Julai 2018 : Bertempat di Dewan Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim telah berlangsungnya Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Peringkat Kebangsaan (KESSUMA).

Pasukan silat Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULE) telah membuat persembahan pada majlis tersebut. Antara persembahan yang ditunjukkan oleh pasukan silat STARULE adalah persembahan pencak silat olahraga, persembahan iringan muzik yang julung kalinya menggunakan peralatan muzik baru iaitu caklempong.

Persembahan tersebut berjaya memukau tetamu yang berada di majlis tersebut terutamanya YAB Menteri Besar Perak Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu yang turut terpegun dengan kelincahan serta alunan irama muzik silat yang dipersembahkan oleh para pelajar STARULE. Kesemua persembahan tersebut telah dilatih dengan bimbingan daripada Tuan Pengetua iaitu Ustaz Faiz bin Muhammad Rafaai. Majlis tersebut berakhir sekitar pukul 11:30 malam.

Sumber: SMTDR Lenggong





KEM AKADEMIK

Lenggong, 20-22 Julai 2018 : Bertempat di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULe), telah berlangsungnya Kem Akademik 2018.

Kem Akademik ini diadakan bertujuan melatih pelajar untuk menjawab soalan-soalan dalam peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Selain itu, penceramah bagi setiap slot adalah daripada guru yang berpengalaman dalam penandaan kertas peperiksaan awam. Justeru, amat penting bagi pelajar STARULe mengetahui cara dan teknik menjawab soalan secara tepat.

Antara lain, dengan adanya Kem Akademik tersebut, secara tidak langsung pelajar akan lebih bersedia untuk menduduki peperiksaan awam. Pihak sekolah mengucapkan selamat maju jaya kepada calon-calon SPM dan PT3 agar perolehi keputusan yang lebih baik pada tahun ini.

Sumber: SMTDR Lenggong

PEGANGANKU AQIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Kampung Gajah, 24 Julai 2018 : Bertempat di Masjid Sultan Azlan Shah (Masjid Daerah), Kampung Gajah telah diadakan Program Pemantapan Aqidah yang dianjurkan bersama Bahagian Penyelidikan, JAIPK, Pejabat Agama Daerah Kampung Gajah dan Masjid Sultan Azlan Shah, Kampung Gajah. Program yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Kampung Gajah khususnya berkaitan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan garis panduan yang wajib diikuti untuk mengelakkan diri dari terjebak dalam situasi ajaran sesat masa kini. Penerangan yang mantap telah disampaikan oleh al-Fadil Dr Mohd Faizal bin Haji Abdul Khir, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah. Kira-kira 250 orang peserta telah hadir untuk menerima mutiara-mutiara ilmu yang disampaikan.

Sumber: PAID Kg Gajah



TUAH AYAM NAMPAK DI KAKI, TUAH MANUSIA SIAPA YANG TAHU



Batu Pahat, Johor 26-29 Julai 2018 : Diari kokurikulum Sekolah Izzuddin Shah terus dipenuhi dengan coretan kejayaan pelajar-pelajar yang bukan sahaja mengharumkan nama sekolah, malah turut mengharumkan nama daerah Kinta Utara dan negeri Perak Darul Ridzuan di peringkat kebangsaan. Episod kejayaan yang dimaksudkan ini ialah kejayaan yang diraih oleh saudara Cik Hasnul Taqiuddin bin Cik Sazali yang telah dinobatkan sebagai Johan Kebangsaan Tahun 2018 bagi acara Tilawah Al-Quran. Manakala saudara Mohd Aiman bin Malib pula telah merangkul Naib Johan Kebangsaan Tahun 2018 bagi acara Syarahan Agama. Kedua-dua pelajar ini telah menyertai pertandingan Majlis Tadarus al-Quran Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (MTQSS) anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Institut Pendidikan Guru Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Pertandingan ini telah berlangsung pada bulan Ogos 2018 yang lalu. Kedua-dua pelajar ini merupakan Johan bagi acara masing-masing di peringkat Zon C, Daerah Kinta Utara dan juga di peringkat negeri Perak.

Sudah pasti kejayaan yang mereka perolehi ini bukanlah hasil usaha sendiri, namun turut dibantu oleh pihak-pihak lain. Antaranya guru pembimbing, ibu bapa dan pasukan jurulatih yang telah mengadakan pelbagai siri latihan di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Negeri Perak melalui Sektor Pendidikan Islam. Selain itu, usaha gigih yang ditunjukkan oleh kedua-dua pelajar ini juga melayakkan mereka mengukir nama dalam pertandingan ini. Semoga kejayaan yang mereka kecapai ini, akan menjadi contoh kepada pelajar-pelajar lain dan turut menjadi salah satu medium dakwah kepada generasi Islam masa kini dan akan datang. Penyertaan kali pertama bagi kedua-dua pelajar ini sinonim dengan pepatah Melayu, 'tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu'.

Sumber : Sekolah Izzuddin Shah

MANISNYA SEBUAH KEJAYAAN

Gemencheh, Negeri Sembilan 27-29 Julai 2018 : Pasukan Bahas Sekolah Izzuddin Shah (SIS) terus melakar kecemerlangan dalam arena perbahasan negara apabila buat julung kalinya muncul sebagai Johan dalam Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-Sekolah Agama Malaysia yang telah berlangsung pada bulan Ogos 2018 yang lalu. MIISMAM kali ke -5 ini bertempat di Maahad Ahmadi, Gemencheh, Negeri Sembilan. Pasukan bahas ini terdiri daripada Mohd Hafizuddeen, Mohd Alif Halimi, Mohd Fahmi, Wan Mohd Aiman dan Mohd Izzat Fathi. Langkah mereka bermula dengan menjadi Johan dalam Pertandingan Bahas Sekolah-Sekolah KPM di peringkat Zon, menjadi Johan Daerah Kinta Utara dan telah mewakili daerah Kinta Utara ke peringkat negeri. Namun, rezeki tidak berpihak kepada mereka apabila terkandas dalam pusingan suku akhir.

Seterusnya, tanpa rasa jemu mereka meneruskan perjuangan di arena perbahasan ini dengan mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan menyusun atur semula strategi. Akhirnya, rezeki berpihak kepada mereka apabila mereka telah menjadi JOHAN ILMU peringkat negeri Perak bagi tahun 2018. Kejayaan ini merupakan kejayaan yang berganda apabila mereka telah mewakili negeri Perak buat tahun kelima berturut-turut dalam MIISMAM yang dianjurkan oleh JAKIM saban tahun. Usaha dan pengorbanan pasukan ini selama 5 tahun berbaloi apabila pasukan bahas SIS telah menjadi Johan Bahas MIISMAM 2018 untuk proksi pembangkang dan saudara Mohd Hafizuddeen dipilih sebagai Pembahas Terbaik bagi MIISMAM kali ini. Semoga arena perbahasan ini menjadi platform kepada mereka untuk menjadi pemimpin masa hadapan yang berani bersuara demi menegakkan kebenaran dan keadilan untuk agama, bangsa dan negara.

Sumber: Sekolah Izzuddin Shah



SARING SEBELUM SHARING

Bagan Datuk, 1 Ogos 2018 : Saring sebelum *sharing* adalah suatu perkara yang sangat penting bagi setiap pengguna yang melayari internet pada masa kini. Hal ini bagi tujuan tidak berlaku perkara berupa fitnah mahupun perkara palsu. Dengan arus kemodenan teknologi pada masa kini telah membuatkan ramai orang mengikuti perkembangan sesuatu perkara di dalam internet kerana mudah dan cepat. Malah secara langsung membuka ruang kepada mereka yang gemar menyebarkan perkara yang tidak benar. Sehubungan itu, Bahagian Penyelidikan (Unit Media) Jabatan Agama Islam Perak telah mewujudkan kerjasama bersama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk dengan mengadakan Seminar Klik, Share & Viral di Dewan Dato' Mohamed Jamrah, Sungai Sumun, Perak.

Seminar ini dibuat bagi tujuan menyampaikan maklumat kepada masyarakat berkenaan teknologi masa kini dan tanggungjawab dalam menggunakannya. Sambutan para peserta amat menggalakkan di mana mereka terdiri daripada pelajar-pelajar institut pengajian awam, guru-guru sekolah serta agensi-agensi kerajaan. Banyak perkongsian dan maklumat yang telah disampaikan oleh penceramah daripada SKMM dan JAIPK.

Dengan perkongsian dan maklumat yang diberi dapat membantu dan mendidik pengguna dalam melayari internet dan kebertanggungjawaban terhadap berita-berita yang diterima melalui media sosial. Dengan kaedah saring sebelum *sharing* dapat mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang berunsur fitnah dan secara langsung tidak berlaku berita-berita palsu dan mengelirukan masyarakat. Semoga seminar ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Sumber : PAID Bagan Datuk



SELAMAT DATANG WARGA JOHOR

Ipoh, 7 Ogos 2018 : Bertempat di Dewan Saidina Abu Bakar, Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM), Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) telah menerima kunjungan balas daripada Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). Jemputan ini telah disertai seramai 39 ahli rombongan termasuk Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Agama, Tuan Haji Anwar bin Sarimin.

Rombongan ini telah disambut dengan ketibaan Pengarah JAIPK, Dato Haji Mohd Yusop bin Haji Husin beserta Timbalan Pengarah JAIPK, Tuan Haji Harith Fadzilah bin Abdul Halim.

Kunjungan ini merupakan kunjungan balas pada Unit KAFA Bahagian Pendidikan JAIPK yang telah melawat Bahagian Pendidikan JAIJ pada Januari 2018. Kunjungan ini bertujuan untuk berkongsi pendapat dan maklumat berkenaan struktur pendidikan di sekolah-sekolah agama yang berdaftar di bawah jabatan masing-masing.

Sumber: Bahagian Pendidikan, JAIPK





BAHAGIA DUNIA AKHIRAT

Hutan Melintang, 9 Ogos 2018 : Buat julung kalinya, Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk telah mengadakan kuliah dhuha perdana yang telah disampaikan oleh al Fadil Ustaz Syamsul Amri atau lebih dikenali dengan Syamsul Debat bertempat di Masjid Al-Aula Simpang Empat. Kuliah dhuha pada kali ini bertajuk "Bahagia Dunia Akhirat". Seramai hampir 250 orang telah hadir yang terdiri daripada kaum muslimin dan muslimat sekitar kariah Masjid Al-Aula. Antara pengajaran yang dapat diambil daripada kuliah yang disampaikan oleh Ustaz Syamsul Debat adalah dengan memahami khutbah terakhir yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW. Beliau menegaskan, walaupun khutbah tersebut ringkas, namun isi kandungan dan intipatinya amatlah luas dan bermakna. Hal ini berikutan kerana segala apa yang dipesan oleh Rasulullah SAW di dalam khutbah baginda adalah berhubung kait dengan kehidupan kita dan tidak boleh tidak ianya wajib diikuti kerana apa yang dituntut oleh Nabi Muhammad SAW itulah jua yang dituntut oleh Allah Taala. Semua orang dipertanggungjawabkan di atas apa yang dikerjakan. Suami mempunyai hak ke atas isteri dan isteri juga mempunyai hak ke atas suami. Tunaikanlah hak atas diri kamu pasti mendapat keberkatan daripada Allah Taala. Kuliah dhuha ini selesai jam 11.00 pagi dan seterusnya muslimin muslimat dijemput menjamah jamuan ringan yang disediakan. Semoga dengan adanya program sebegini dapat diteruskan lagi di masa akan datang dan semoga tetamu yang hadir mendapat keberkatan ilmu daripada Allah SWT.

Sumber : PAID Bagan Datuk

KORBAN TANDA CINTA

Ipoh, 25 Ogos 2018 : Barisan urus setia Program Korban Perdana telah berkumpul di Pusat Kegiatan Dakwah, JAIPK seawal jam 7.00 pagi bagi membuat persiapan. Ibadah korban merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Tujuannya adalah sebagai amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia telah disyariatkan pada tahun kedua hijrah. Dalil pensyariatannya sabit dengan al-Quran dalam surah al-Kauthar ayat 2 dan surah al-Hajj ayat 36. Hukumnya adalah sunat yang sangat dituntut (sunat muakkadah). Ibadah ini dilakukan oleh umat Islam di seluruh dunia setiap tahun apabila tibanya 'Idul Adha, atau Hari Raya Korban pada 10 Zulhijjah dan Hari-hari Tasyrik, iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Program Korban ini dianjurkan oleh Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak. Tujuan ia dilaksanakan adalah untuk menggembarakan anak yatim, muallaf, warga emas dan golongan OKU di sekitar daerah Kinta dengan pengagihan daging kepada mereka.

Selain itu, program yang dihadiri seramai 100 orang tetamu ini dapat menjalinkan hubungan sesama manusia tanpa mengira pangkat dan darjat. Antaranya beramah mesra dan bertanya khabar dengan mereka serta keluarga mereka. Majlis penyerahan daging korban telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, YB Dr. Lee Boon Chye (Ahli Parlimen Gopeng).

Sumber : Bahagian Dakwah, JAIPK



BACHI POPCORN PENGHALAU MONYET DAN BERUK



Nilai, 28 Ogos 2018 : Kelab Alam Sekitar Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA) Kg Gajah telah menghantar satu pasukan Inovasi Sains Islam untuk menyertai Pertandingan Inovasi Islam dan Bahasa Arab Peringkat Kebangsaan. Pertandingan ini dianjurkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 28 Ogos 2018 dengan tema 'Meningkatkan Pengilmuan Ummah'. Inovasi yang diketengahkan oleh pasukan ini iaitu 'Bachi Popcorn' yang berasaskan penyelidikan alam sekitar untuk kemajuan bioteknologi.

Pasukan ini disertai oleh 5 orang pelajar tingkatan empat iaitu Mohamad Hafidzudin bin Mohd Yusop, Muhammad Shahril Zaim bin Abd Haris Shafil, Aiman Hakeem bin Abd Haleng Khanga, Akma Rasyidah binti Azin dan Aina Afiqah binti Ahmad Fauzi. Pasukan ini dibimbing oleh Pn. Fauziah binti Zainuddin yang merupakan guru penasihat Kelab Alam Sekitar Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah.

Perlaksanaan eksperimen telah diadakan di pekarangan asrama SARJANA selama tiga bulan. Lokasi ini dipilih kerana asrama SARJANA kerap menjadi tumpuan sebilangan besar monyet dan beruk. Bahan-bahan yang digunakan untuk eksperimen ini iaitu bertih jagung, buttercup dan botol plastik terpakai. Segala hasil ujikaji dan pemantauan telah digunakan oleh pasukan ini untuk menyertai pertandingan ini.

Hasil titik peluh anggota pasukan ini berbulan-bulan dengan pengorbanan masa dan tenaga, akhirnya segala usaha mereka bersama ini telah membuahkan hasil yang membanggakan nama sekolah dan nama negeri Perak. Pasukan ini telah dianugerahkan pingat emas Inovis 2018 Pertandingan Inovasi Islam dan Bahasa Arab Peringkat Kebangsaan. Tahniah kepada pasukan ini.

Sumber : SM Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA)



TUAH “GOLONGAN USTAZ” RANGKUL NAIB JOHAN

Ipoh, 31 Ogos 2018 : Jabatan Agama Islam Negeri Perak hari ini mencatat sejarah apabila dinobatkan sebagai naib johan kawad kaki hari kebangsaan peringkat jabatan-jabatan dalam Perak. Johan dimiliki oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, manakala tempat ketiga disandang oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perak.

Sejarah ini telah terukir di mana seramai 55 orang peserta di kalangan pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Agama Islam telah mengambil bahagian di dalam pasukan kawad kaki ini menunjukkan disiplin dan semangat semasa latihan kawad kaki dijalankan lebih kurang tiga hingga empat minggu sebelum hari pertandingan.

Jurulatih pasukan kawad kaki Jabatan Agama Islam Ustaz Haji Saifuddin bin Haji Mohd Nawawi hari ini tersenyum lebar dan menarik nafas lega setelah pengumuman keputusan dibuat sebaik sahaja acara kawad kaki Hari Kebangsaan tamat pada hari tersebut. Beliau telah membimbing pasukan kawad kaki ini telah hampir 3 tahun dari 2015 hinggalah 2018.

Bagaimanapun pada tahun-tahun akan datang Ustaz Haji Saifuddin bin Haji Mohd Nawawi berazam agar pasukan kawad kaki ini berpeluang merangkul johan dengan strategi menggabungkan peserta-peserta berbakat baru dan peserta-peserta lama yang sudah melalui pengalaman yang luas sebelum ini. Beliau turut memaklumkan takhta johan akan dirangkul sekiranya Jabatan benar-benar mengambil mereka yang sangat berbakat di dalam kawad kaki.

Sinonimnya pegawai dan kakitangan Jabatan Agama Islam ini disebut dengan gelaran “Golongan Ustaz” dan mereka “Golongan Ustaz” ini biasanya hanya dikenali sebagai pengajar atau guru dalam bidang agama Islam yang hanya mahir di dalam bidang agama Islam serta ada di kalangan mereka yang mengajar di sekolah-sekolah, masjid-masjid serta surau-surau. Namun hari ini sejarah tercipta apabila mereka “Golongan Ustaz” ini menyertai pasukan kawad kaki Jabatan Agama Islam Negeri Perak telah dinobatkan sebagai naib johan kawad kaki Hari Kebangsaan peringkat jabatan-jabatan dalam Perak. Selain dari “Golongan Ustaz”, tidak lupa juga mereka yang turut terlibat di dalam penyertaan pasukan kawad ini yang terdiri dari kumpulan sokongan lain seperti Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Jurutera, Penolong Akauntan, Pembantu Tadbir dan Pembantu Operasi yang menyertai pasukan ini sekaligus menyumbang di dalam kejayaan ini.

Sumber : Bahagian Khidmat Pengurusan, JAIPK



MENYANTUNI MASYARAKAT NON MUSLIM



Muallim, 7-8 September 2018 : Program Masyarakat Harmoni Klapa Bali adalah program kedua di bawah anjuran Unit Dakwah Orang Asli & Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Perak dengan kerjasama Mubaligh, Penggerak Masyarakat Orang Asli daerah Muallim serta bantuan penduduk ladang Klapa Bali. Penganjuran program tersebut telah mendapat sambutan yang baik dari penduduk ladang.

Ladang Klapa Bali terletak di Kuala Slim, Slim River. Kebanyakan penduduknya terdiri daripada bangsa India. Program ini diadakan bertujuan merapatkan lagi hubungan antara masyarakat orang Islam dan bukan Islam. Program ini juga secara tidak langsung dapat mewujudkan platform dakwah yang baru.

Program ini telah dirasmikan oleh Penolong Pengarah Dakwah merangkap Pegawai Penyelaras Jakim, Tuan Mohd Zuhadi bin Mohamad Saarani bersama-sama Pegawai Dakwah Daerah Muallim dan NGO yang telah dijemput khas untuk memeriahkan lagi program tersebut. Antara agensi yang terlibat Persatuan India Muslim Perak, Perkim Daerah Muallim, Persatuan Hidayah Centre, Persatuan IKRAM, Persatuan Sahabat Muallim serta wakil Penghulu Daerah Batang Padang.

Program dimeriahkan lagi apabila sukaneka dilangsungkan serentak. Kesemua peserta sukaneka adalah dari kalangan penduduk ladang estet sendiri. Antara sukan yang ditandingi adalah sepak takraw, permainan teng-teng, kerusi irama, batu seremban dan lain-lain lagi. Selain itu, penceramah al-Fadil Ustaz Mubarak Ali yang juga Biro Agama Persatuan India Muslim Perak menaikkan lagi suasana program tersebut. Program disempurnakan dengan penyampaian hadiah sukaneka bagi semua pemenang dan penyampaian barang-barang sumbangan bagi penduduk yang memerlukan.

Sumber : Bahagian Dakwah, JAIPK

“PELAJAR TAHFIZ AKTIF KOKURIKULUM”

Manjung, 7-9 September 2018 : Semua pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan, Daerah Manjung telah terlibat di dalam Kem Kokurikulum yang bertempat di Kem Biro Tata Negara Ulu Kenas, Kuala Kangsar. Kem ini telah berlangsung selama 3 hari dengan melibatkan juga semua guru penasihat persatuan dan unit beruniform.

Kem yang diadakan ini bertujuan bagi menguatkan jati diri pelajar, menanam semangat kerjasama berpasukan dan meningkatkan keyakinan diri pelajar. Program ini sepenuhnya berada di bawah kelolaan jurulatih yang disediakan oleh pihak BTN. Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya ialah *Broken Meal*, Malam Kesenian dan *Explorace*. Harapan pihak sekolah agar para pelajar lebih bersemangat dan berkeyakinan tinggi dalam segenap sudut terutamanya yang melibatkan kurikulum juga kokurikulum.



Sumber : SMTDR Manjung



DIALOG PRESTASI PT3 & SPM

Padang Rengas, 12-13 September 2018 : Bertempat di Inap Desa Kuala Dal, Padang Rengas, pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULe) yang terdiri daripada calon peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah mengikuti program Dialog Prestasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah bagi tujuan menambahbaik prestasi semasa. Program tersebut diadakan selama dua hari satu malam. Berkonsepkan suasana alam flora, ketenangan dan keselesaan fasiliti pihak sekolah telah memilih tempat tersebut sebagai tempat untuk pelajar-pelajar dan guru-guru bersama-sama membaiki prestasi semasa calon-calon peperiksaan awam.

Antara intipati yang telah dijalankan semasa dua hari satu malam di Inap Desa tersebut adalah berkaitan dengan perbincangan antara guru dan setiap calon tentang kelemahan yang perlu dibaiki dan kelebihan yang perlu dikekalkan supaya dapat mencapai sasaran keputusan cemerlang dalam peperiksaan kelak. Selain itu, turut dijalankan lafaz bacaan ikrar calon-calon peperiksaan awam di hadapan guru-guru untuk membuktikan calon-calon peperiksaan awam PT3 dan SPM mampu serta akan berusaha memperoleh keputusan cemerlang untuk dihadiahkan kepada ibu bapa dan mengharumkan nama STARULe sebagai salah sebuah sekolah terunggul. Turut diadakan Qiamullail dan tazkirah yang diimamkan oleh Tuan Pengetua sendiri. Program tersebut berakhir pada petang Rabu dan pelajar serta guru pulang ke sekolah sekitar pukul dua petang.

Sumber : SMTDR Lenggong

ANDA BIJAK, JAUHI MAKSIAT

Seri Manjung, 14 September 2018 : Arus pemodenan masa kini, terdapat banyak berita yang ditulis di dada-dada akhbar tempatan tentang keruntuhan akhlak dan aktiviti gejala sosial yang tidak sihat berlaku di kalangan anak-anak remaja kita pada hari ini. Arus pemodenan dan perubahan zaman yang serba canggih dan pantas ini sedikit sebanyak memberi cabaran yang hebat untuk memastikan akhlak dan tingkah laku remaja dapat dikawal.

Bagi memastikan keseimbangan pembangunan fizikal dan rohani ini dapat dilihat, Pejabat Agama Islam Daerah Manjung telah mengadakan satu program seminar pencegahan jenayah syariah yang bertajuk "Anda Bijak, Jauhi Maksiat".

Program yang disertai oleh hampir 250 orang pelajar tingkatan menengah atas iaitu pelajar tingkatan 4 dan 5 ini telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dinding. Pelajar tersebut terdiri daripada 6 buah sekolah menengah sekitar Seri Manjung. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang perlakuan maksiat yang perlu dijaui bagi menangani isu-isu gejala sosial.

Program ini telah dirasmikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah Manjung iaitu Encik Mohamad Akhir bin Abdul Latif. Dalam ucapan perasmian itu, beliau menyeru kepada semua pelajar agar mencontohi akhlak yang mulia serta menjauhi perkara yang mendatangkan maksiat. Penceramahannya pula terdiri daripada Ustaz Hafez Rezal bin Abdul Manan, Ketua Penguatkuasa Agama daerah Manjung dan Encik Khirul Nizam bin Abdullah dari Pusat Kepimpinan TLDM, Lumut, Perak.



Sumber : PAID Manjung

JIWA PATRIOTIK

Lenggong, 17-20 September 2018 : Telah berlangsungnya minggu sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Sekolah. Objektif utama adalah untuk memperingati Hari Kebangsaan yang merupakan satu titik permulaan kemerdekaan bagi rakyat Malaysia keseluruhannya. Dengan adanya program sedemikian diharapkan warga Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULe) khususnya serta rakyat Malaysia amnya dapat memperingati segala jasa-jasa orang terdahulu dalam mempertahankan kemerdekaan dan memperjuangkan tanah air tercinta bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang merdeka daripada penjajah.

Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang minggu tersebut antaranya teka silang kata, persembahan koir, kuiz merdeka, mereka cipta logo kemerdekaan, mencipta poster kemerdekaan, menghias kelas bertemakan kemerdekaan, mendeklamasi sajak serta pantun, tayangan video berkaitan kemerdekaan dan imbauan sejarah. Kemuncak sambutan Hari Kebangsaan berlangsung pada Khamis dihiasi pelbagai acara dan dilengkapi dengan ucapan Tuan Pengetua serta penyampaian hadiah kepada pemenang yang telah menyertai pertandingan sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Diharapkan segala program yang telah dilakukan dapat memberi pedoman kepada semua warga STARULe supaya sentiasa menghargai negara tercinta dan melakukan sedaya yang boleh untuk menunjukkan taat sumpah setia kepada negara Malaysia. "SAYANGI MALAYSIAKU"

Sumber : SMTDR Lenggong



YA ALLAH KAMI MEMOHON PADAMU

Lenggong, 22 September 2018 : Bertempat di Masjid Jamek telah diadakan Majlis Bacaan Yasin dan Solat Hajat oleh para pelajar Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Lenggong (STARULE), guru-guru dan ibu bapa. Tujuan majlis tersebut dilakukan adalah untuk memberi semangat rohani kepada para pelajar STARULE sebelum menduduki peperiksaan awam dan peperiksaan dalaman.

Majlis tersebut telah dimulakan dengan solat hajat yang diimamkan oleh Ustaz Abdul Hafiz. Manakala bacaan Yasin diketuai oleh Ustaz Solehuddin Al-Ayubi. Seterusnya berlangsung juga tazkirah motivasi yang telah disampaikan oleh Cikgu Zawawi iaitu bapa salah seorang pelajar STARULE. Tazkirah yang disampaikan sebagai pembakar semangat kepada para pelajar sebelum menduduki peperiksaan awam mahupun peperiksaan dalaman.

Sesudah sempurna tazkirah yang disampaikan oleh Cikgu Zawawi, para pelajar yang menduduki peperiksaan awam PT3 dan SPM mengiringi ibu bapa masing-masing ke kaunter slip bagi mendapatkan slip keputusan peperiksaan percubaan PT3 dan SPM 2018. Sebelum berakhirnya majlis tersebut, pihak sekolah telah menyediakan jamuan untuk ibu bapa yang hadir dan majlis berakhir sekitar pukul 11:00 pagi.

Sumber : SMTDR Lenggong



INDAH BERSAUDARA

Kampung Gajah, 22-23 September 2018 : Program Jalinan Kasih dan Ramah Mesra Kampung Orang Asli Estate, Kampung Gajah diadakan bertujuan mengeratkan lagi perhubungan di antara Jabatan Agama Islam Perak, khususnya Unit Dakwah Pejabat Agama Islam daerah Kampung Gajah bersama masyarakat Orang Asli.

Pengisian ibadah seperti solat jemaah, kelas Fardhu Ain dan juga tazkirah adalah aktiviti yang telah diatitkan kepada masyarakat Orang Asli yang beragama Islam, sambutan dan penglibatan mereka sangat memuaskan. Selain itu terdapat juga aktiviti untuk penduduk Orang Asli yang tidak beragama Islam iaitu kelas memasak untuk kaum wanita, sukaneka, perlawanan futsal, pemeriksaan kesihatan dan pameran. Selain itu diselitkan juga aktiviti gotong-royong memasak bersama orang kampung dan juga gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam bagi Orang Asli. Program ini telah diurus setia dan dibantu oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli dan Mubaligh Islam Daerah Kampung Gajah dan daerah yang berdekatan.

Program ini dihadiri oleh wakil Batin iaitu En Siber a/l Awat ketua KOA Estate dan Tuan Pegawai Tadbir Agama daerah Kampung Gajah al-Fadil Tuan Mohd Halim bin Mat Saman yang dijemput bagi merasmikan Majlis Penutupan Program Jalinan Kasih dan Ramah Mesra ini. Program ini mendapat sambutan menggalakkan dari seramai 450 orang penduduk KOA Estate dan mereka sangat mengharapkan semoga program sebegini dapat diteruskan selain dapat mengeratkan hubungan antara badan kerajaan dan penduduk KOA.

Sumber : PAID Kg Gajah



MEMARTABATKAN KAUM MUSLIMAH DAN BELIA



Kampung Gajah, 24-25 September 2018 : Wakil Biro Muslimah dan wakil Biro Belia dari setiap masjid dalam daerah Kampung Gajah telah hadir untuk mengikuti Kursus Biro Muslimah dan Kursus Biro Belia di Pejabat Agama daerah Kampung Gajah. Kursus yang dianjurkan selama 2 hari ini bertujuan bagi memantapkan lagi gerak kerja Biro Muslimah dan Biro Belia di daerah bagi mendekati dan mendidik kaum muslimah dan golongan belia. Pengerusi dan AJK biro yang hadir telah sepakat untuk menjenamakan kumpulan biro ini dengan nama "Muslimah Al Hidayah, Kg. Gajah" dan "Persatuan Belia Masjid Daerah Kg. Gajah. Bimbingan dan suntikan semangat telah disampaikan oleh al-Fadil Us Mohd Halim bin Mat Saman, Pegawai Tadbir Agama Daerah Kg Gajah dan al-Fadil Us Haji Saiful Azizi bin Haji Abdul Manap, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid JAIPK.

Sumber : PAID Kg Gajah



SAKIT BUKAN ALASAN

Ipoh, 25 September 2018 : Sakit seringkali menjadi alasan kepada ramai orang dalam melakukan ibadah. Namun sakit juga adalah rahmat sekiranya seseorang itu sedar akan hikmah yang terkandung di sebalik sebuah kesakitan. Jabatan Agama Islam melalui Bahagian Dakwah mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Pengurusan Ibadah Pesakit yang dihadiri oleh seramai 800 peserta terdiri dari penjawat awam negeri Perak, orang awam dan para doktor serta jururawat.

Seminar yang berlangsung seawal 9 pagi dan berakhir jam 4.30 petang ini telah diadakan di Dewan Bankuet Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan menampilkan dua orang penceramah iaitu Dr. Abdullah Azzam bin Abd Rashid Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri dari hospital Seri Manjung dan seorang ustaz yang tinggi ilmu agamanya Tuan Guru Dato' Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman merupakan musyir Pondok Sungai Durian, Kelantan.

Seminar dimulakan dengan slot dari Dr. Abdullah Azzam dengan tajuk Peranan petugas dan perawat muslim. Seterusnya Dr. Abdul Basit menyampaikan perkongsian bertajuk Darurah dalam pengurusan ibadah dan Rukhsah dalam pengurusan ibadah. Sebelah petang diteruskan dengan slot diskusi dan soal jawab bersama kedua penceramah. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Pengarah JAIPK Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin.

Peserta yang hadir merasa teruja dengan perbincangan kerana rata-rata masyarakat hari ini pasti berdepan dengan situasi berkaitan ibadah pesakit. Ilmu yang diperolehi ini bukan sekadar untuk dimanfaatkan kepada diri sendiri malah amat berguna terhadap keluarga apabila ianya terjadi suatu hari nanti. Masyarakat Islam harus sedar bahawa sakit bukanlah penghalang kita dari melaksanakan tanggungjawab ibadah, sebaiknya kita berusaha mempelajari dan mengamalkannya dalam kehidupan agar sakit yang ditanggung beroleh kesembuhan.

Sumber : Bahagian Dakwah, JAIPK

AZAN DAN IQAMAH

Bagan Datuk, 26 September 2018 : Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk dengan kerjasama Masjid Al-Khairiah, Selekoh dengan jayanya telah mengadakan "Kursus Tahsin Muazzin Siri 1" bagi Mukim Bagan Datuk dan Mukim Rungkup. Seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada para muazzin yang bertugas di masjid-masjid sekitar Mukim Bagan Datuk dan Mukim Rungkup telah menghadiri kursus pada kali ini. Kursus ini telah disampaikan oleh Ustaz Hj Zamhana bin Hj Ismail. Bermula dengan pendaftaran peserta, majlis diteruskan dengan slot teori.

Slot teori ini para peserta didedahkan dengan perkara-perkara sunat sebelum azan dan hukum-hukum lafaz azan yang tidak boleh dilanggar. Selepas selesai slot teori, para peserta didedahkan dengan slot praktikal. Pada kali ini, setiap para peserta dikehendaki memperdengarkan alunan azan dan akan disemak serta diperbetulkan oleh tenaga pengajar.

Setelah selesai, semua peserta dijemput menjamu selera yang telah disediakan pihak penganjur. Muhammad bin Ahmad (salah seorang peserta) memberitahu, kursus seperti ini perlu diperbanyakkan kerana ianya dapat membantu para muazzin dan memberi pendedahan kepada muazzin tatacara laungan azan. Justeru, beliau sendiri amat gembira dengan apa yang telah dibuat oleh Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk kerana beliau sendiri dapat belajar teknik nafas sewaktu melaungkan azan. Turut hadir memeriahkan majlis al-Fadil Tuan Hj Muhamad Khairul Basri bin Osman selaku Pegawai Tadbir Agama Daerah Bagan Datuk dan secara langsung merasmikan penutupan Kursus Tahsin Muazzin pada kali ini. Semoga dengan usaha sebegini dapat membantu dan memberi pendedahan kepada para muazzin berkaitan ilmu azan dan iqamah.

Sumber : PAID Bagan Datuk



MASJID DINAMIK

Hutan Melintang, 4 Oktober 2018 : Seiring kemodenan dan kemajuan yang dikecapi serta meningkatkan mutu di dalam perkhidmatan, buat pertama kalinya Jabatan Agama Islam Perak telah mengadakan suatu kaedah dalam memastikan pengurusan kewangan masjid dapat digunakan dengan secara berhemah. Justeru, Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Perak dengan kerjasama KPerak telah mewujudkan satu sistem yang mana setiap rekod pendapatan dan pengeluaran duit masjid dihipunkan di dalam satu sistem malah boleh dipantau oleh Bahagian Pengurusan Masjid selaku bahagian yang dipertanggungjawabkan dalam memantau dan menguruskan hal ehwal berkenaan masjid di dalam negeri Perak ini. Sistem ini akan digunakan oleh seluruh masjid di dalam negeri Perak. Oleh yang demikian, satu taklimat telah diadakan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk bagi memberi pendedahan kepada pengerusi dan bendahari masjid-masjid di dalam daerah Bagan Datuk berkenaan penggunaan sistem pengurusan akaun masjid (SPeAK).

Disebabkan taklimat ini memerlukan komputer serta penyambungan internet, pihak Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk telah membuat kerjasama dengan Kolej Komuniti Bagan Datuk yang mempunyai kemudahan fasiliti komputer juga akses internet. Taklimat ini telah disampaikan oleh Bahagian Pengurusan Masjid serta KPerak. Seramai 57 orang peserta yang merupakan pengerusi dan bendahari masjid telah hadir bagi mempelajari cara pelaksanaan "SPeAK". Setelah selesai sesi taklimat kursus, majlis penutupan telah disempurnakan oleh Tn Hj Muhammad Khairul Basri bin Osman selaku Pegawai Tadbir Agama Daerah Bagan Datuk bersama Tn Hj Zainuddin bin Kasmuri selaku Pengarah Kolej Komuniti Bagan Datuk.

Sumber : PAID Bagan Datuk